

MAHATHIR-BURUH

1980

KUALA LUMPUR, 26 MEI (BERNAMA) — KESATUAN-KESATUAN SEKERJA ASEAN JANGANLAH MEMBENARKAN DIRI MEREKA DIKUASAI ATAU DIARAH OLEH GABUNGAN-GABUNGAN KESATUAN SEKERJA DI NEGARA-NEGARA MAJU, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU MENEGASKAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA ASEAN HENDAKLAH MENYEDARI SIKAP BERMUKA-MUKA PARA PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA BARAT YANG MENYARANKAN PERPADUAN PEKERJA ANTARABANGSA SEDANGKAN DI NEGARA MEREKA SENDIRI, MEREKA MEMPERJUANGKAN SIKAP PER-LINDUNGAN.

BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN KETIGA MENTERI-MENTERI BURUH ASEAN SELAMA DUA HARI DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ASEAN MESTILAH MEMBANGUN MENGIKUT CARA ASEAN DENGAN MENGEKALKA NILAI-NILAINYA. 8

SAMBIL MENGATAKAN CABARAN-CABARAN YANG BERHADAPAN DENGAN ASEAN DALAM TAHUN 80'AN ADALAH BANYAK TERMASUK HUBUNGAN PERUSAHAANNYA, BELIAU MENAMBAH PERINDUNGAN, MENGHORMATI PANDANGAN PIHAK LAIN DAN TOLERANSI SENTIASA MENJADI ASAS HUBUNGAN MASYARAKAT ASEAN.

+BIARLAH NILAI-NILAI TRADISI INI MEMPUYAI TEMPAT YANG SESUAI DALAM HUBUNGAN BURUH-PENGURUSAN KITA. JANGANLAH KEBENDAAN SEMATA-MATA MENGATASI SEGALA-GALANYA,+
TAMBAHNYA. — BERSAMBUNG 1555/A1
MAHATHIR-BURUH 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEKUKUHAN SEBENAR HUBUNGAN BURUH TERLETAK KEPADA KEKAYAAN NILAI DAN ETIKA KERJA YANG DIDAPATI DALAM KEBUDAYAAN PRIBUMI ASEAN.

SAMBIL MENGATAKAN BAHAWA ASEAN ADALAH SEBUAH PERTUBUHAN YANG PENTING DARI SEGI POLITIK DAN EKONOMI DALAM HAL EHWAL DUNIA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ADALAH WAJAR BAGI PIHAK SEMUA KERAJAAN, MAJIKAN DAN KESATUAN BURUH ASEAN MENGECEMANKAN FAKTOR-FAKTOR NEGATIF YANG MEMPENGARUHI EKONOMINYA.

KATANYA, OLEH KERANA EKONOMI DUNIA SECARA KESELURUHAN SEDANG MENGALAMI KEMELESETAN, ASEAN YANG BERGANTUNG KEPADA EKONOMI DUNIA UNTUK PASARAN BAHAN MENTAHNYA AKAN MENGALAMI KESULITAN MENJUAL BARANGAN TERSEBUT.

+KESATUAN-KESATUAN SEKERJA BARAT DAN PARA USAHAWAN PERINDUSTRIAN TEMPATAN BOLEH DIJANGKA AKAN MEMINTA LEBIH BANYAK LANGKAH-LANGKAH PERLINDUNGAN,+ KATANYA.

KEMELESETAN ITU SENDIRI AKAN MENYEBABKAN KURANGNYA PERMINTAAN UNTUK BAHAN-BAHAN MENTAH ASEAN YANG TERTENTU.

—BERSAMBUNG 1648/AH

B560

MAHATHIR-BURUH 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEKUATAN ASAS KONSEP ASEAN AKAN TERUJI DENGAN TERUKNYA DALAM TAHUN 80'AN.

+JIKA PADA AWAL KEMERDEKAAN NEGARA-NEGARA ASEAN CENDERUNG UNTUK BERHUBUNG DENGAN BEKAS TUAN BESARNYA, TANPA MENYEDARI KEWUJUDAN JIRAN-JIRANYA, NEGARA-NEGARA ITU SEKARANG MENGHAMPIRI ANTARA SATU SAMA LAIN DAN BEKERJA SEBAGAI SATU KUASA DALAM BANYAK KEGIATAN, UJAR BELIAU.

KATANYA, ASEAN BERTANGGUNGJAWAB MEMBUKTIKAN MELESETNYA PANDANGAN BAHAWA OLEH KERANA STRUKTUR EKONOMI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN ADALAH SAMA, NEGARA-NEGARA TERSEBUT MESTILAH DILETAK SUPAYA BERSAINGAN.

BELIAU MENGIGATKAN ASEAN JANGANLAH DIBIAR TERPERANGKAP DALAM KEADAAN BERSAINGAN ANTARA SATU SAMA LAIN BAGI PASARAN BARANGAN UTAMA DAN DALAM MENARIK PELABURAN SERTA PERDAGANGAN ASING.

KEUPAYAAN KONSEP ASEAN UNTUK MENGATASI KEMELESETAN YANG AKAN DATANG BERGANTUNG BESAR KEPADA DAYAUSAHA DAN PENYESUAIAN EKONOMINYA DAN RAKYATNYA KEPADA PERSEKITARAN YANG BERUBAH.

—BERSAMBUNG 1652/AH

B561

MAHATHIR-BURUH 4 KUALA LUMPUR

IKLIM HUBUNGAN PERUSAHAAN DALAM TAHUN 80'AN ADALAH PENTING BAGI PERUBAHAN EKONOMI RANTAU INI.

INDUSTRI MODEN MEMERLUKAN TENAGA BURH YANG RESPONSIF DAN PENGURUSAN YANG BERFIKIRAN LUAS YANG MENYEDARI TENAGA KERJA YANG BERPUASHATI ADALAH LEBIH PRODUKTIF.

HUBUNGAN PERUSAHAAN TIDAK BOLEH LAGI DIASASKAN KEPADA KEBOLEHAN UNTUK MEMBUAT KEROSAKAN YANG BANYAK. DALAM DUNIA YANG DIKUASAI OLEH PEMIKIRAN WAJAR DAN LOGIK, ASAS UNTUK MENYELESAIKAN PERTIKAIAN SEPERTI ITU ADALAH PRIMITIF.

ITULAH SEBABNYA, KATANYA, KERAJAAN-KERAJAAN ASEAN TELAH MEMILIKI UNTUK MEMAINKAN PERANAN YANG AKTIF DALAM HUBUNGAN PERUSAHAAN.

KERAJAAN TIDAK BOLEH MENJADI PEMERHATI SAJA APABILA RANCANGAN PEMBANGUNAN TERGUGAT OLEH PERTIKAIAN YANG MEMBAZIRKAN.

PERSIDANGAN ITU YANG DIPENGERUSIKAN OLEH MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT DAUK RICHARD HO, DIHADIRI OLEH MENTERI TENAGA MANUSIA DAN TRANSMIGRASI INDONESIA, PROF. HARUN A. ZAIN; MENTERI BURUH FILIPINA, ENCIK BLAS F. OPLE; MENTERI BURUH SINGAPURA, ENCIK ONG PANG BOON DAN TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI THAILAND, ENCIK KASEM SIRISUMPUNH. —BERNAMA 1655/AH